KORPORASI PEMBANGUNAN DESA
KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai Lesen Perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam kod yang disebutkan dibawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran tender seperti berikut:

NO. TAWARAN	TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL
KPD/Q/2026/13	Membekal makanan ternakan kambing tenusu (dairy cattle pellet dan goat feed grower) untuk kegunaan projek ternakan kambing Kpd Kabang Papar bagi tempoh satu (1) tahun bermula (01 Januari 2027 Sehingga 31 Disember 2027)	i. PUKONSA: Kod Bidang: 120400 ii. Sijil Taraf Bumiputera (jika ada); dan iii. Lesen niaga yang masih sah.	Bahagian Perolehan & Harta, Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu.

1.0 Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen : **17 November 2026 (Selasa) – 23 November 2026 (Isnin)**

8.00 pagi hingga 12.30 tengahari (Isnin – Khamis)
8.00 pagi hingga 11.30 pagi (Jumaat)

2.0 Harga Dokumen : **RM50.00** (Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Tunai atau Secara Atas Talian sahaja). **Cek tidak diterima.**

3.0 Tarikh Tutup Tawaran : **23 November 2026 (Isnin), Pukul 10.00 pagi. Dokumen tender yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.**

4.0 Semua maklumat yang dikehendaki dalam Dokumen Tender hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Korporasi Pembangunan Desa berhak menolak mana-mana dokumen tender yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Korporasi Pembangunan Desa juga tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan penender gagal mendapat tawaran. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil/lesen dan dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tawaran di penjuru kiri sudut atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

Setiausaha Jawatankuasa Sebut Harga
Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

5.0 Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti berikut:

Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

6.0 Para Pembekal/Penender **WAJIB** menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN PUKONSA, SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika ada) dan **Lesen Perniagaan yang masih sah** serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil/lesen berkenaan semasa membeli dokumen tawaran.

7.0 Korporasi Pembangunan Desa (KPD) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

PENGURUS BESAR
KORPORASI PEMBANGUNAN DESA